

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[BALING]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan dakwaan penggelapan wang milik Tabung Haji oleh pengurusan tertinggi antara tahun 2009 hingga 2017 dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian hasil daripada siasatan tersebut.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes-kes melibatkan salahlaku pengurusan terdahulu telah dibuat sejak 30 November 2018 lalu. Buat masa ini, kes-kes tersebut masih di dalam siasatan pihak berkuasa terbabit. Pihak Jabatan Perdana Menteri menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk menyiasat kes tersebut mengikut lunas undang-undang. Tindakan yang sewajarnya akan diambil setelah selesai proses siasatan tersebut.

Sekian. Terima kasih.